



KOLEJ ISLAM TANAH MELAYU - BAKAL UNIVERSITI ISLAM



Untuk menghadapi Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang merdeka tidak lama lagi, sudah selayaknya Kolej Islam yang ada sekarang dipertingkatkan tarafnya kepada sebuah universiti Islam. Tetapi cita-cita ini tidak akan sempurna selagi sekolah-sekolah menengah Islam tidak diwujudkan dan diatur dari sekarang. Kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi oleh Kolej Islam hari ini- kerana adanya jarak yang jauh antara Kolej Islam dengan sekolah-sekolah agama yang ada sekarang. Patutlah diadakan jambatan yang menghubungkan keduanya.



Pelajar-pelajar dihantar oleh kerajaan Brunei kerana belajar di Madrasah al-Jundiy al-Islamiyyah di Singapura bergambar ramai kerana perpisahan 6 orang rakan-rakan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Klang. yang duduk barisan hadapan dari kiri Abdul Hamid bin Haji Bakal, Mahali bin Haji Abdullah, Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Muhammad Zain bin Syarafuddin. Abdul Salam bin Abdul Razak, Abdul Hamid bin Haji Daud. Duduk di tengah al-ustaz Ibrahim bin Tahir pengelola rombongan.





Kiyai Haji Anuar Musadad dalam kedatangan kali

yang keempat di sini telah memberikan syarahan-syarahan di banyak tempat.

Gambar-gambar menunjukkan beliau sedang bersyarah di rumah jam'iat

di Singapura dengan gaya dan cara yang tersendiri dan

mudah di faham.

Syarahan serupa ini memang perlu dan penting dalam membawa umat kepada pengertian-pengertian agama yang sebenarnya terutama di kampung-kampung, hendaknya selalulah dianjurkan dan diadakannya.

